

Rancang 10 pusat halal di bandar utama China

SYARIKAT IM Investment Holdings Pte Ltd memeterai satu perjanjian dengan konglomerat China, Machi Holdings Group, untuk membentuk 10 pusat halal di bandar-bandar utama di China.

Pusat bandar bersepadu itu akan meniru pusat satu hentian halal di Singapura yang dirancangkan IM di sini.

Perjanjian Persefahaman (MOU) oleh IM dan China Machi itu ditandatangani di Global Entrepolis@Singapore (GES) yang diadakan di sini baru-baru ini.

ia turut disaksikan oleh Menteri Negara Kanan (Undang-Undang dan Dalam Negeri), Profesor Ho Peng Kee.

Dipanggil Machi City, China Machi ingin membangunkan sebuah bandar kecil yang mempunyai pusat dagangan dan makanan halal.

“Dengan rancangan membangunkan 10 bandar kecil di bandar-bandar utama di China, setiap bandar kecil itu akan dibangunkan dengan kos pelaburan sebanyak AS\$2.5 bilion (\$3.2 bilion),” kata satu kenyataan IM.

Pusat halal itu akan dibangunkan di beberapa bandar, termasuk Shanghai, Beijing dan Fujian.

Pengerusi China Machi Holdings Group, Encik Xie Bing Zhen, mengasaskan konsep Machi City yang bertujuan membangunkan sebuah wadah dagangan sejagat bagi mengumpulkan syarikat-syarikat dalam satu pusat.

“Dengan mewujudkan sebuah sistem eko, ia menawarkan syari-



PAKATAN SINGAPURA-CHINA: (Duduk, dari kiri) Encik Eddie Siow; Pengarah Program Nasional Youth Business Singapore, Encik Raymond Huang; Pengerusi China Machi Holdings Group, Encik Xie Bing Zhen, (berdiri, dari kiri) Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB), Encik Lim King Boon; Profesor Ho; Pengarah Eksekutif Youth Business China (Fujian), dan Encik Wang Dong Ping. – Foto IM INVESTMENT

kat-syarikat, ejen penjualan dan pengedar untuk menembusi pasaran yang besar pada kos rendah.

“Machi City juga menawarkan pelanggan ruang sewa percuma bagi tempoh jangka panjang,” menurut laman GES.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengasas IM Investment Holdings, Encik Eddie Siow, berkata Encik Xie mendapati konsep pusat halal yang ingin diba-

ngunkan IM di Singapura sejajar dengan konsep Machi City.

“Melihat pepadanan yang baik itu, kami mengikat perjanjian bagi membantu Machi membentuk pusat halal itu di China.

“Machi pula bersetuju menjadi salah satu pelabur bagi pusat halal kami di Singapura dan melahirkan minat melabur \$15 juta bagi pembinaan pusat halal di Singapura,” ujar Encik Siow.

Pusat halal di Singapura yang dirancangkan oleh IM menelan kos \$60 juta secara keseluruhan.

Pembukaan pusat halal serupa di China membolehkan syarikat kecil dan sederhana (SME) Singapura menembusi pasaran China.

“Melalui usaha sama kami dengan China Machi, SME yang sudahpun berada dalam pusat halal kami di Singapura dapat juga menembusi pasaran China yang luas,” tambah Encik Siow lagi.